

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

1. Jalan-jalan berbukit antara Teluk Bahang dan Balik Pulau selalu mengalami keruntuhan tanah dan batu ke atas jalan raya. Faktor ini terjadi kerana tiada zon penamparan di antara bukit dan jalan raya. Adakah pihak berkuasa akan mengkaji perkara ini dengan lebih terperinci tentang kesan yang dinyatakan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri mengambil maklum dan memandang serius berkenaan kejadian tanah runtuh dan batu di sepanjang jalan berbukit di antara Teluk Bahang dan Balik Pulau. Kejadian seumpama ini mendatangkan bahaya kepada keselamatan pengguna jalan raya, khususnya semasa musim hujan atau cuaca tidak menentu.

Sebagai langkah kawalan dan pencegahan, Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) sentiasa melaksanakan pemantauan berkala terhadap cerun-cerun di sepanjang jajaran tersebut melalui pemeriksaan visual dan penilaian risiko cerun mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Cerun di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri Semenanjung Malaysia yang telah dibangunkan oleh Cawangan Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia. Cadangan teknikal seperti pembinaan zon penamparan akan dikaji secara terperinci berdasarkan keutamaan risiko dan keperluan teknikal di lokasi-lokasi terlibat.

Setiap tahun, JKRPP akan mengemukakan senarai cadangan kerja-kerja pembaikan cerun dan mitigasi kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk pertimbangan peruntukan di bawah program

penyelenggaraan cerun berisiko tinggi, khususnya bagi daerah Barat Daya yang melibatkan kawasan Teluk Bahang dan Balik Pulau.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) juga melaksanakan pemantauan secara berkala terhadap aktiviti pertanian di lot-lot tanah persendirian di luar hak laluan (*right of way*, *R.O.W*) sepanjang jajaran Jalan Persekutuan 6 (LP 6) ini bagi memastikan tidak berlakunya kacau ganggu kepada keselamatan orang awam, harta awam dan persekitaran.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

2. Berapakah tarif yang dikenakan Amerika Syarikat terhadap barang-barang seperti berikut:
- (i) CIP (Semi konduktor);
 - (ii) Barang E&E (elektrik & elektronik); dan
 - (iii) Barang dan peralatan perubatan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Kesan pelaksanaan tarif baru oleh Amerika Syarikat terhadap industri eksport Pulau Pinang, khususnya sektor elektrik dan elektronik seperti berikut:

Pengenaan tarif timbal balik oleh Amerika Syarikat ke atas eksport 57 negara dan wilayah sememangnya telah menggegarkan dunia termasuk Malaysia. Pulau Pinang merupakan antara negeri yang paling berpotensi terkesan dengan pelaksanaan tarif timbal balik memandangkan Amerika Syarikat merupakan negara kedua tertinggi dalam senarai eksport dari Pulau Pinang dengan nilai RM76 bilion bersamaan 17 peratus daripada keseluruhan nilai eksport negeri pada 2023. Malah, negara tersebut juga merupakan rakan dagangan utama kepada Pulau Pinang dengan lebih dagangan bernilai RM 57.7 bilion pada tahun 2024. Justeru, pelaksanaan tarif ini dikhuatiri bakal memberi impak serius kepada Pulau Pinang dan negeri-negeri lain dalam Malaysia.

Kesan kepada Pulau Pinang:-

(i) Pemain Industri;

Situasi kenaikan tarif menyebabkan pembelian dan pesanan dari Amerika Syarikat menjadi perlahan. Situasi ini menyebabkan perniagaan pemain-pemain industri di Pulau Pinang menjadi kurang berdaya saing seterusnya memberi tekanan dan menggugat kesinambungan perniagaan pemain industri dalam ekonomi negeri.

Syarikat-syarikat berorientasikan eksport kini menilai semula strategi perniagaan dengan serta-merta. Banyak syarikat kini menyemak semula unjuran untung dan rugi (*profit and loss*) masing-masing sambil meneroka usaha penjajaran semula rangkaian bekalan.

Perniagaan antarabangsa dan tempatan di Pulau Pinang mengambil langkah berhati-hati serta pendekatan tunggu dan lihat (*wait-and-see approach*). Perkara ini secara tidak langsung telah melambatkan keputusan pelaburan dan perancangan jangka panjang.

(ii) Sektor Elektrik dan Elektronik;

Terdapat kebimbangan meningkat mengenai kemungkinan akan berlaku lambakan inventori berlebihan dari negara-negara serantau ke dalam pasaran tempatan Malaysia. Situasi ini akan menjejaskan harga pasaran dan meningkatkan jumlah inventori tidak terjual.

(iii) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS);

Situasi lambakan inventori berlebihan dari negara luar ini boleh menggugat pengilang tempatan, khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan mengganggu harga pasaran barangan serta mengurangkan lagi margin keuntungan PKS tempatan.

Industri PKS tempatan turut terkesan kerana kenaikan kos menjalankan perniagaan disebabkan oleh polisi-polisi dalam negara. Ia termasuk gaji minimum baru, peningkatan tarif elektrik, peningkatan cukai jualan dan perkhidmatan. Selain itu,

PKS juga perlu menghadapi peningkatan pemerolehan asing syarikat tempatan yang menyebabkan PKS bergelut untuk bersaing dalam kos dan produktiviti. Namun begitu, PKS tempatan juga boleh menikmati manfaat dari strategi *China Plus One*.

(iv) Industri Semikonduktor; dan

Pengenaan tarif yang tinggi oleh Amerika Syarikat berpotensi memberi impak signifikan dan menjejaskan persepsi pelabur terhadap daya saing industri semikonduktor di Pulau Pinang sebagai destinasi eksport utama ke pasaran Amerika Syarikat.

(v) Pelaburan:

Terdapat kemungkinan pemindahan operasi pengilangan ke negara-negara yang menerima impak tarif lebih rendah dan/atau memindahkan sebahagian operasi ke Amerika Syarikat. Terdapat pengusaha-pengusaha sedang mempertimbangkan memindah sebahagian rantai bekalan pembuatan ke negara Mexico dan Brazil. Akan tetapi, keputusan muktamad masih belum dibuat disebabkan keadaan yang tidak menentu dan perubahan dasar yang begitu pantas dan di luar jangkaan.

Sejauh manakah Kerajaan Negeri bersedia membantu syarikat tempatan menyesuaikan strategi dagangan?

Kerajaan Negeri komited dalam menjajarkan semula, menentu ukur semula dan mengesahkan semula peranan Pulau Pinang sebagai pemacu ekonomi utama negara. Kerajaan Negeri akan mengatasi rintangan ini menerusi kerjasama, penyelarasan dan keyakinan terhadap rakyat dan industri.

Susulan itu, satu sesi perbincangan bertajuk “Tindak Balas Strategik terhadap Tarif Amerika Syarikat” telah diadakan pada 11 April 2025 di *Penang Institute*. Perbincangan ini dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dan dihadiri oleh 35 peserta termasuk wakil Kerajaan Negeri, agensi Negeri dan Persekutuan, Bank Negara Malaysia, institusi pendidikan, persatuan perdagangan, dewan perniagaan, PKS dan syarikat multinasional. Berikut adalah hasil perbincangan tersebut iaitu:

- (i) Penubuhan Pasukan Petugas Pemantauan Tarif (*Penang Tariff Monitoring Taskforce*) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memantau perkembangan global dan mengadakan sesi libat urus dengan sektor yang terkesan; dan
- (ii) Kerjasama berterusan dengan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan Kit Penyesuaian Perdagangan (*Trade Adaptation Toolkit*) yang akan membantu industri menyesuaikan strategi perniagaan mereka.

Selain itu, Kerajaan Negeri menerusi *Invest Penang* telah mengadakan dua (2) sesi libat urus bersama industri pada 17 April 2025 dan 18 April 2025 untuk mendengar pandangan dan cadangan daripada pemain industri. Sesi-sesi berkenaan turut dihadiri oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Hasil dapatan yang diperoleh turut dikongsikan kepada kementerian-kementerian berkenaan.

Apakah insentif atau pelan mitigasi yang telah dirangka bagi mengurangkan kebergantungan kepada pasaran Amerika Syarikat?

Sebagaimana intipati usul YAB Ketua Menteri sempena Mesyuarat Khas Penggal Keempat Majlis Parlimen Kelima Belas Dewan Rakyat pada 5 Mei lalu, Pulau Pinang telah mengambil pelbagai inisiatif, insentif atau pelan mitigasi untuk mempelbagaikan domain pasaran antarabangsa bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan mengurangkan kebergantungan pada satu negara tertentu untuk akses pasaran iaitu:

- (i) Kerjasama Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan Kit Penyesuaian Perdagangan (*Trade Adaptation Toolkit*) bagi pemain-pemain industri. Kit Penyesuaian ini akan merangkumi sumber praktikal untuk membantu pemain-pemain industri memanfaatkan pasaran alternatif di bawah perjanjian perdagangan serantau dalam ASEAN serta perjanjian-perjanjian sedia ada seperti Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif Dan Progresif Bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP);
- (ii) Kerajaan Negeri melalui agensi pelaburan negeri, *Invest Penang* juga aktif menjalankan misi pelaburan dan perdagangan ke negara-negara asing seperti Jepun, Korea

Selatan, Taiwan, Negara Eropah, China, Amerika Syarikat, Singapura dan sebagainya saban tahun. Usaha ini bertujuan untuk menarik pelabur baharu serta mencari peluang-peluang pasaran baharu. Selain itu, *Invest Penang* juga turut menyertai pelbagai ekspo antarabangsa seperti *SEMICON Southeast Asia*, *Kumamoto Industrial Revitalization Expo*, *World Fujian Convention & Exhibition*, *World Congress on Innovation & Technology* (WCIT) dan sebagainya. Usaha ini dapat meningkatkan keterlihatan (*visibility*) Pulau Pinang kepada pasaran-pasaran baharu;

- (iii) Bagi meningkatkan kedudukan Pulau Pinang dalam rantai nilai semikonduktor, Kerajaan Negeri akan mengekalkan komitmennya terhadap garis panduan Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS) dan inisiatif *Penang Silicon Design @5km+*. Kemajuan ini akan dicapai dengan memupuk jaguh tempatan dalam reka bentuk litar bersepadu (IC). Jumlah pelaburan untuk inisiatif *Penang Silicon Design @5km+* diunjurkan sebanyak RM120.0 juta dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan telah bersama-sama mewujudkan geran padanan untuk memacu inisiatif ini ke hadapan. Kerjasama ini akan meletakkan Malaysia, khususnya Negeri Pulau Pinang sebagai peneraju terkemuka dalam ekosistem reka bentuk IC, memacu inovasi dan pertumbuhan ekonomi; dan
- (iv) Bagi menarik dan menyokong lebih ramai pemain reka bentuk IC menubuhkan dan mengembangkan operasi mereka di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri menawarkan skim pakej insentif yang terdiri daripada subsidi bernilai sehingga RM2.0 juta setiap tahun untuk tempoh tiga (3) tahun kepada kedua-dua syarikat reka bentuk IC tempatan dan asing yang berpangkalan di Malaysia. Walau bagaimanapun, inisiatif ini bergantung kepada pembiayaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dalam memastikan pelaksanaan penuh program dan sokongan untuk pertumbuhan industri ini.

Perkembangan/Analisi Terkini:

Berasaskan pengumuman serta analisis terkini pada 15 Mei 2025 bertajuk “Ahli Ekonomi Percaya Tarif Asas 10 peratus Amerika Syarikat Akan Dikekalkan” menyatakan bahawa tempoh 90 hari penangguhan peningkatan tarif antara Amerika Syarikat (AS) dan

China dilihat sebagai langkah meredakan ketegangan, sekali gus mengurangkan kemungkinan teretusnya perang perdagangan secara menyeluruh.

Malaysia dan negara-negara ASEAN lain mungkin akan menghadapi rundingan yang kurang tegang dengan AS berbanding pengalaman China. Namun, negara-negara lain termasuk Malaysia perlu bersedia menerima tarif asas 10 peratus dan mempertimbangkan untuk membuat konsesi bagi mencapai hasil yang saling menguntungkan. Umumnya, genjatan senjata tarif sementara ini telah meningkatkan prospek pertumbuhan ekonomi negara, dengan unjuran pertumbuhan ekonomi disemak semula ke arah yang lebih positif.

Sementara itu, dalam analisis artikel siaran media perdana, The Star juga pada 15 Mei 2025 bertajuk "Malaysia masih lokasi utama untuk kepelbagaian rantai bekalan" menegaskan bahawa ketegangan perdagangan antara dua (2) gergasi AS dan China yang dikatakan 'reda' buat sementara waktu menjadikan Malaysia terus menjadi destinasi pilihan bagi syarikat-syarikat yang mengamalkan strategi "China+1" untuk mempelbagaikan rantai bekalan masing-masing.

Malah, penggantungan tarif selama 90 hari antara AS dan China tidak mungkin membawa kepada perjanjian jangka panjang. Tarif yang tinggi dijangka akan berterusan, sekali gus mengukuhkan keperluan untuk kepelbagaian rantai bekalan. Walaupun begitu, kedudukan geografi Malaysia yang strategik, kos buruh yang kompetitif serta kadar pertukaran menggalakkan akan terus menjadikan negara ini pilihan menarik bagi syarikat multinasional (MNC) yang ingin mempelbagaikan operasi mereka.

Walaupun aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) mungkin mengalami turun naik dalam jangka masa pendek akibat ketidakpastian semasa, unjuran jangka panjang kekal positif dengan jangkaan peningkatan pelaburan dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang. Pengoperasian perniagaan dijangka mengambil pendekatan tunggu dan lihat sepanjang tempoh kelonggaran 90 hari ini, dengan menanggungkan pelaburan besar sehingga terdapat petunjuk yang lebih jelas daripada rundingan antara AS dan China.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

3. Berapa lamakah kesan kenaikan tarif barang-barang keluaran kilang-kilang tempatan akan dirasai?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Kesan pelaksanaan tarif baru oleh Amerika Syarikat terhadap industri eksport Pulau Pinang, khususnya sektor elektrik dan elektronik seperti berikut:

Pengenaan tarif timbal balik oleh Amerika Syarikat ke atas eksport 57 negara dan wilayah sememangnya telah menggegarkan dunia termasuk Malaysia. Pulau Pinang merupakan antara negeri yang paling berpotensi terkesan dengan pelaksanaan tarif timbal balik memandangkan Amerika Syarikat merupakan negara kedua tertinggi dalam senarai eksport dari Pulau Pinang dengan nilai RM76 bilion bersamaan 17 peratus daripada keseluruhan nilai eksport negeri pada 2023. Malah, negara tersebut juga merupakan rakan dagangan utama kepada Pulau Pinang dengan lebih dagangan bernilai RM 57.7 bilion pada tahun 2024. Justeru, pelaksanaan tarif ini dikhuatiri bakal memberi impak serius kepada Pulau Pinang dan negeri-negeri lain dalam Malaysia.

Kesan kepada Pulau Pinang:-

(i) Pemain Industri

Situasi kenaikan tarif menyebabkan pembelian dan pesanan dari Amerika Syarikat menjadi perlahan. Situasi ini menyebabkan perniagaan pemain-pemain industri di Pulau Pinang menjadi kurang berdaya saing seterusnya memberi

tekanan dan menggugat kesinambungan perniagaan pemain industri dalam ekonomi negeri.

Syarikat-syarikat berorientasikan eksport kini menilai semula strategi perniagaan dengan serta-merta. Banyak syarikat kini menyemak semula unjuran untung dan rugi (*profit and loss*) masing-masing sambil meneroka usaha penjajaran semula rantaian bekalan.

Perniagaan antarabangsa dan tempatan di Pulau Pinang mengambil langkah berhati-hati serta pendekatan tunggu dan lihat (*wait-and-see approach*). Perkara ini secara tidak langsung telah melambatkan keputusan pelaburan dan perancangan jangka panjang.

(ii) Sektor Elektrik dan Elektronik

Terdapat kebimbangan meningkat mengenai kemungkinan akan berlaku lambakan inventori berlebihan dari negara-negara serantau ke dalam pasaran tempatan Malaysia. Situasi ini akan menjejaskan harga pasaran dan meningkatkan jumlah inventori tidak terjual.

(iii) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Situasi lambakan inventori berlebihan dari negara luar ini boleh menggugat pengilang tempatan, khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan mengganggu harga pasaran barangan serta mengurangkan lagi margin keuntungan PKS tempatan.

Industri PKS tempatan turut terkesan kerana kenaikan kos menjalankan perniagaan disebabkan oleh polisi-polisi dalam negara. Ia termasuk gaji minimum baru, peningkatan tarif elektrik, peningkatan cukai jualan dan perkhidmatan. Selain itu, PKS juga perlu menghadapi peningkatan pemerolehan asing syarikat tempatan yang menyebabkan PKS bergelut untuk bersaing dalam kos dan produktiviti. Namun begitu, PKS tempatan juga boleh menikmati manfaat dari strategi *China Plus One*.

(iv) Industri Semikonduktor

Pengenaan tarif yang tinggi oleh Amerika Syarikat berpotensi memberi impak signifikan dan menjejaskan persepsi pelabur terhadap daya saing industri semikonduktor di Pulau Pinang sebagai destinasi eksport utama ke pasaran Amerika Syarikat.

(v) Pelaburan

Terdapat kemungkinan pemindahan operasi pengilangan ke negara-negara yang menerima impak tarif lebih rendah dan/atau memindahkan sebahagian operasi ke Amerika Syarikat. Terdapat pengusaha-pengusaha sedang mempertimbangkan memindah sebahagian rantai bekalan pembuatan ke negara Mexico dan Brazil. Akan tetapi, keputusan muktamad masih belum dibuat disebabkan keadaan yang tidak menentu dan perubahan dasar yang begitu pantas dan di luar jangkaan.

Sejauh manakah Kerajaan Negeri bersedia membantu syarikat tempatan menyesuaikan strategi dagangan?

Kerajaan Negeri komited dalam menjajarkan semula, menentu ukur semula dan mengesahkan semula peranan Pulau Pinang sebagai pemacu ekonomi utama negara. Kerajaan Negeri akan mengatasi rintangan ini menerusi kerjasama, penyelarasan dan keyakinan terhadap rakyat dan industri.

Susulan itu, satu sesi perbincangan bertajuk “Tindak Balas Strategik terhadap Tarif Amerika Syarikat” telah diadakan pada 11 April 2025 di *Penang Institute*. Perbincangan ini dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dan dihadiri oleh 35 peserta termasuk wakil Kerajaan Negeri, agensi Negeri dan Persekutuan, Bank Negara Malaysia, institusi pendidikan, persatuan perdagangan, dewan perniagaan, PKS dan syarikat multinasional. Berikut adalah hasil perbincangan tersebut iaitu:

- (i) Penubuhan Pasukan Petugas Pemantauan Tarif (*Penang Tariff Monitoring Taskforce*) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memantau perkembangan global dan mengadakan sesi libat urus dengan sektor yang terkesan; dan

- (ii) Kerjasama berterusan dengan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan Kit Penyesuaian Perdagangan (*Trade Adaptation Toolkit*) yang akan membantu industri menyesuaikan strategi perniagaan mereka.

Selain itu, Kerajaan Negeri menerusi *Invest Penang* telah mengadakan dua (2) sesi libat urus bersama industri pada 17 April 2025 dan 18 April 2025 untuk mendengar pandangan dan cadangan daripada pemain industri. Sesi-sesi berkenaan turut dihadiri oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Hasil dapatan yang diperoleh turut dikongsikan kepada kementerian-kementerian berkenaan.

Apakah insentif atau pelan mitigasi yang telah dirangka bagi mengurangkan kebergantungan kepada pasaran Amerika Syarikat?

Sebagaimana intipati usul YAB Ketua Menteri pada sempena Mesyuarat Khas Penggal Keempat Majlis Parlimen Kelima Belas Dewan Rakyat pada 5 Mei lalu, Pulau Pinang telah mengambil pelbagai inisiatif, insentif atau pelan mitigasi untuk mempelbagaikan domain pasaran antarabangsa bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan mengurangkan kebergantungan pada satu negara tertentu untuk akses pasaran iaitu:

- (i) Kerjasama Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan Kit Penyesuaian Perdagangan (*Trade Adaptation Toolkit*) bagi pemain-pemain industri. Kit Penyesuaian ini akan merangkumi sumber praktikal untuk membantu pemain-pemain industri memanfaatkan pasaran alternatif di bawah perjanjian perdagangan serantau dalam ASEAN serta perjanjian-perjanjian sedia ada seperti Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif Dan Progresif Bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP);
- (ii) Kerajaan Negeri melalui agensi pelaburan negeri, *Invest Penang* juga aktif menjalankan misi pelaburan dan perdagangan ke negara-negara asing seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Negara Eropah, China, Amerika Syarikat, Singapura dan sebagainya saban tahun. Usaha

ini bertujuan untuk menarik pelabur baharu serta mencari peluang-peluang pasaran baharu. Selain itu, *Invest Penang* juga turut menyertai pelbagai ekspo antarabangsa seperti *SEMICON Southeast Asia*, *Kumamoto Industrial Revitalization Expo*, *World Fujian Convention & Exhibition*, *World Congress on Innovation & Technology* (WCIT) dan sebagainya. Usaha ini dapat meningkatkan keterlihatan (*visibility*) Pulau Pinang kepada pasaran-pasaran baharu;

- (iii) Bagi meningkatkan kedudukan Pulau Pinang dalam rantai nilai semikonduktor, Kerajaan Negeri akan mengekalkan komitmennya terhadap garis panduan Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS) dan inisiatif *Penang Silicon Design @5km+*. Kemajuan ini akan dicapai dengan memupuk jaguh tempatan dalam reka bentuk litar bersepadu (IC). Jumlah pelaburan untuk inisiatif *Penang Silicon Design @5km+* diunjurkan sebanyak RM120.0 juta dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan telah bersama-sama mewujudkan geran padanan untuk memacu inisiatif ini ke hadapan. Kerjasama ini akan meletakkan Malaysia, khususnya Negeri Pulau Pinang sebagai peneraju terkemuka dalam ekosistem reka bentuk IC, memacu inovasi dan pertumbuhan ekonomi; dan
- (iv) Bagi menarik dan menyokong lebih ramai pemain reka bentuk IC menubuhkan dan mengembangkan operasi mereka di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri menawarkan skim pakej insentif yang terdiri daripada subsidi bernilai sehingga RM2.0 juta setiap tahun untuk tempoh tiga (3) tahun kepada kedua-dua syarikat reka bentuk IC tempatan dan asing yang berpangkalan di Malaysia. Walau bagaimanapun, inisiatif ini bergantung kepada pembiayaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dalam memastikan pelaksanaan penuh program dan sokongan untuk pertumbuhan industri ini.

Perkembangan/Analisi Terkini:

Berasaskan pengumuman serta analisis terkini pada 15 Mei 2025 bertajuk "Ahli Ekonomi Percaya Tarif Asas 10 peratus Amerika

Syarikat Akan Dikekalkan” menyatakan bahawa tempoh 90 hari penangguhan peningkatan tarif antara Amerika Syarikat (AS) dan China dilihat sebagai langkah meredakan ketegangan, sekali gus mengurangkan kemungkinan tercetusnya perang perdagangan secara menyeluruh.

Malaysia dan negara-negara ASEAN lain mungkin akan menghadapi rundingan yang kurang tegang dengan AS berbanding pengalaman China. Namun, negara-negara lain termasuk Malaysia perlu bersedia menerima tarif asas 10 peratus dan mempertimbangkan untuk membuat konsesi bagi mencapai hasil yang saling menguntungkan. Umumnya, genjatan senjata tarif sementara ini telah meningkatkan prospek pertumbuhan ekonomi negara, dengan unjuran pertumbuhan ekonomi disemak semula ke arah yang lebih positif.

Sementara itu, dalam analisis artikel siaran media perdana, The Star juga pada 15 Mei 2025 bertajuk “Malaysia masih lokasi utama untuk kepelbagaian rantaian bekalan” menegaskan bahawa ketegangan perdagangan antara dua (2) gergasi AS dan China yang dikatakan ‘reda’ buat sementara waktu menjadikan Malaysia terus menjadi destinasi pilihan bagi syarikat-syarikat yang mengamalkan strategi “China+1” untuk mempelbagaikan rantaian bekalan masing-masing.

Malah, penggantungan tarif selama 90 hari antara AS dan China tidak mungkin membawa kepada perjanjian jangka panjang. Tarif yang tinggi dijangka akan berterusan, sekali gus mengukuhkan keperluan untuk kepelbagaian rantaian bekalan. Walaupun begitu, kedudukan geografi Malaysia yang strategik, kos buruh yang kompetitif serta kadar pertukaran menggalakkan akan terus menjadikan negara ini pilihan menarik bagi syarikat multinasional (MNC) yang ingin mempelbagaikan operasi mereka.

Walaupun aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) mungkin mengalami turun naik dalam jangka masa pendek akibat ketidaktentuan semasa, unjuran jangka panjang kekal positif dengan jangkaan peningkatan pelaburan dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang. Pengoperasian perniagaan dijangka mengambil pendekatan tunggu dan lihat sepanjang tempoh kelonggaran 90 hari ini, dengan menangguhkan pelaburan besar sehingga terdapat petunjuk yang lebih jelas daripada rundingan antara AS dan China.

LAMPIRAN A

Kesan pelaksanaan tarif baru oleh Amerika Syarikat terhadap industri eksport Pulau Pinang, khususnya sektor elektrik dan elektronik seperti berikut:

Pengenaan tarif timbal balik oleh Amerika Syarikat ke atas eksport 57 negara dan wilayah sememangnya telah menggegarkan dunia termasuk Malaysia. Pulau Pinang merupakan antara negeri yang paling berpotensi terkesan dengan pelaksanaan tarif timbal balik memandangkan Amerika Syarikat merupakan negara kedua tertinggi dalam senarai eksport dari Pulau Pinang dengan nilai RM76 bilion bersamaan 17 peratus daripada keseluruhan nilai eksport negeri pada 2023. Malah, negara tersebut juga merupakan rakan dagangan utama kepada Pulau Pinang dengan lebih dagangan bernilai RM 57.7 bilion pada tahun 2024. Justeru, pelaksanaan tarif ini dikhuatiri bakal memberi impak serius kepada Pulau Pinang dan negeri-negeri lain dalam Malaysia.

Kesan kepada Pulau Pinang:-

(i) Pemain Industri

Situasi kenaikan tarif menyebabkan pembelian dan pesanan dari Amerika Syarikat menjadi perlahan. Situasi ini menyebabkan perniagaan pemain-pemain industri di Pulau Pinang menjadi kurang berdaya saing seterusnya memberi tekanan dan menggugat kesinambungan perniagaan pemain industri dalam ekonomi negeri.

Syarikat-syarikat berorientasikan eksport kini menilai semula strategi perniagaan dengan serta-merta. Banyak syarikat kini menyemak semula unjuran untung dan rugi (*profit and loss*)

masing-masing sambil meneroka usaha penjajaran semula rantai bekalan.

Perniagaan antarabangsa dan tempatan di Pulau Pinang mengambil langkah berhati-hati serta pendekatan tunggu dan lihat (*wait-and-see approach*). Perkara ini secara tidak langsung telah melambatkan keputusan pelaburan dan perancangan jangka panjang.

(ii) Sektor Elektrik dan Elektronik

Terdapat kebimbangan meningkat mengenai kemungkinan akan berlaku lambakan inventori berlebihan dari negara-negara serantau ke dalam pasaran tempatan Malaysia. Situasi ini akan menjejaskan harga pasaran dan meningkatkan jumlah inventori tidak terjual.

(iii) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Situasi lambakan inventori berlebihan dari negara luar ini boleh menggugat pengilang tempatan, khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan mengganggu harga pasaran barangan serta mengurangkan lagi margin keuntungan PKS tempatan.

Industri PKS tempatan turut terkesan kerana kenaikan kos menjalankan perniagaan disebabkan oleh polisi-polisi dalam negara. Ia termasuk gaji minimum baru, peningkatan tarif elektrik, peningkatan cukai jualan dan perkhidmatan. Selain itu, PKS juga perlu menghadapi peningkatan pemerolehan asing syarikat tempatan yang menyebabkan PKS bergelut untuk bersaing dalam

kos dan produktiviti. Namun begitu, PKS tempatan juga boleh menikmati manfaat dari strategi *China Plus One*.

(iv) Industri Semikonduktor

Pengenaan tarif yang tinggi oleh Amerika Syarikat berpotensi memberi impak signifikan dan menjejaskan persepsi pelabur terhadap daya saing industri semikonduktor di Pulau Pinang sebagai destinasi eksport utama ke pasaran Amerika Syarikat.

(v) Pelaburan

Terdapat kemungkinan pemindahan operasi pengilangan ke negara-negara yang menerima impak tarif lebih rendah dan/atau memindahkan sebahagian operasi ke Amerika Syarikat. Terdapat pengusaha-pengusaha sedang mempertimbangkan memindah sebahagian rantai bekalan pembuatan ke negara Mexico dan Brazil. Akan tetapi, keputusan muktamad masih belum dibuat disebabkan keadaan yang tidak menentu dan perubahan dasar yang begitu pantas dan di luar jangkaan.

Sejauh manakah Kerajaan Negeri bersedia membantu syarikat tempatan menyesuaikan strategi dagangan?

Kerajaan Negeri komited dalam menjajarkan semula, menentu ukur semula dan mengesahkan semula peranan Pulau Pinang sebagai pemacu ekonomi utama negara. Kerajaan Negeri akan mengatasi rintangan ini menerusi kerjasama, penyelarasan dan keyakinan terhadap rakyat dan industri.

Susulan itu, satu sesi perbincangan bertajuk “Tindak Balas Strategik terhadap Tarif Amerika Syarikat” telah diadakan pada 11 April 2025 di *Penang Institute*. Perbincangan ini dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dan dihadiri oleh 35 peserta termasuk wakil Kerajaan Negeri, agensi Negeri dan Persekutuan, Bank Negara Malaysia, institusi pendidikan, persatuan perdagangan, dewan perniagaan, PKS dan syarikat multinasional. Berikut adalah hasil perbincangan tersebut iaitu:

- (i) Penubuhan Pasukan Petugas Pemantauan Tarif (*Penang Tariff Monitoring Taskforce*) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memantau perkembangan global dan mengadakan sesi libat urus dengan sektor yang terkesan; dan
- (ii) Kerjasama berterusan dengan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan Kit Penyesuaian Perdagangan (*Trade Adaptation Toolkit*) yang akan membantu industri menyesuaikan strategi perniagaan mereka.

Selain itu, Kerajaan Negeri menerusi *Invest Penang* telah mengadakan dua (2) sesi libat urus bersama industri pada 17 April 2025 dan 18 April 2025 untuk mendengar pandangan dan cadangan daripada pemain industri. Sesi-sesi berkenaan turut dihadiri oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Hasil dapatan yang diperolehi turut dikongsikan kepada kementerian-kementerian berkenaan.

Apakah insentif atau pelan mitigasi yang telah dirangka bagi mengurangkan kebergantungan kepada pasaran Amerika Syarikat?

Sebagaimana intipati usul YAB Ketua Menteri pada sempena Mesyuarat Khas Penggal Keempat Majlis Parlimen Kelima Belas Dewan Rakyat pada 5 Mei lalu, Pulau Pinang telah mengambil pelbagai inisiatif, insentif atau pelan mitigasi untuk mempelbagaikan domain pasaran antarabangsa bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan mengurangkan kebergantungan pada satu negara tertentu untuk akses pasaran iaitu:

- (i) Kerjasama Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan Kit Penyesuaian Perdagangan (*Trade Adaptation Toolkit*) bagi pemain-pemain industri. Kit Penyesuaian ini akan merangkumi sumber praktikal untuk membantu pemain-pemain industri memanfaatkan pasaran alternatif di bawah perjanjian perdagangan serantau dalam ASEAN serta perjanjian-perjanjian sedia ada seperti Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif Dan Progresif Bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP);
- (ii) Kerajaan Negeri melalui agensi pelaburan negeri, *Invest Penang* juga aktif menjalankan misi pelaburan dan perdagangan ke negara-negara asing seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Negara Eropah, China, Amerika Syarikat, Singapura dan sebagainya saban tahun. Usaha ini bertujuan untuk menarik pelabur baharu serta mencari peluang-peluang pasaran baharu. Selain itu, *Invest Penang* juga turut menyertai pelbagai ekspo antarabangsa seperti *SEMICON Southeast Asia*, *Kumamoto Industrial Revitalization Expo*, *World Fujian Convention & Exhibition*, *World Congress on Innovation & Technology* (WCIT) dan sebagainya. Usaha ini dapat

meningkatkan keterlihatan (*visibility*) Pulau Pinang kepada pasaran-pasaran baharu;

- (iii) Bagi meningkatkan kedudukan Pulau Pinang dalam rantai nilai semikonduktor, Kerajaan Negeri akan mengekalkan komitmennya terhadap garis panduan Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS) dan inisiatif *Penang Silicon Design @5km+*. Kemajuan ini akan dicapai dengan memupuk jaguh tempatan dalam reka bentuk litar bersepadu (IC). Jumlah pelaburan untuk inisiatif *Penang Silicon Design @5km+* diunjurkan sebanyak RM120.0 juta dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan telah bersama-sama mewujudkan geran padanan untuk memacu inisiatif ini ke hadapan. Kerjasama ini akan meletakkan Malaysia, khususnya Negeri Pulau Pinang sebagai peneraju terkemuka dalam ekosistem reka bentuk IC, memacu inovasi dan pertumbuhan ekonomi; dan

- (iv) Bagi menarik dan menyokong lebih ramai pemain reka bentuk IC menubuhkan dan mengembangkan operasi mereka di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri menawarkan skim pakej insentif yang terdiri daripada subsidi bernilai sehingga RM2.0 juta setiap tahun untuk tempoh tiga (3) tahun kepada kedua-dua syarikat reka bentuk IC tempatan dan asing yang berpangkalan di Malaysia. Walau bagaimanapun, inisiatif ini bergantung kepada pembiayaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dalam memastikan pelaksanaan penuh program dan sokongan untuk pertumbuhan industri ini.

Perkembangan/Analisi Terkini:

Berasaskan pengumuman serta analisis terkini pada 15 Mei 2025 bertajuk “Ahli Ekonomi Percaya Tarif Asas 10 peratus Amerika Syarikat Akan Dikekalkan” menyatakan bahawa tempoh 90 hari penangguhan peningkatan tarif antara Amerika Syarikat (AS) dan China dilihat sebagai langkah meredakan ketegangan, sekali gus mengurangkan kemungkinan tercetusnya perang perdagangan secara menyeluruh.

Malaysia dan negara-negara ASEAN lain mungkin akan menghadapi rundingan yang kurang tegang dengan AS berbanding pengalaman China. Namun, negara-negara lain termasuk Malaysia perlu bersedia menerima tarif asas 10 peratus dan mempertimbangkan untuk membuat konsesi bagi mencapai hasil yang saling menguntungkan. Umumnya, genjatan senjata tarif sementara ini telah meningkatkan prospek pertumbuhan ekonomi negara, dengan unjuran pertumbuhan ekonomi disemak semula ke arah yang lebih positif.

Sementara itu, dalam analisis artikel siaran media perdana, The Star juga pada 15 Mei 2025 bertajuk “Malaysia masih lokasi utama untuk kepelbagaian rantaian bekalan” menegaskan bahawa ketegangan perdagangan antara dua (2) gergasi AS dan China yang dikatakan ‘reda’ buat sementara waktu menjadikan Malaysia terus menjadi destinasi pilihan bagi syarikat-syarikat yang mengamalkan strategi "China+1" untuk mempelbagaikan rantaian bekalan masing-masing.

Malah, penggantungan tarif selama 90 hari antara AS dan China tidak mungkin membawa kepada perjanjian jangka panjang. Tarif yang tinggi dijangka akan berterusan, sekali gus mengukuhkan keperluan untuk kepelbagaian rantaian bekalan. Walaupun begitu, kedudukan geografi Malaysia yang strategik, kos buruh yang kompetitif serta kadar pertukaran menggalakkan akan terus menjadikan negara ini pilihan menarik bagi

syarikat multinasional (MNC) yang ingin mempelbagaikan operasi mereka.

Walaupun aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) mungkin mengalami turun naik dalam jangka masa pendek akibat ketidaktentuan semasa, unjuran jangka panjang kekal positif dengan jangkaan peningkatan pelaburan dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang. Pengoperasian perniagaan dijangka mengambil pendekatan tunggu dan lihat sepanjang tempoh kelonggaran 90 hari ini, dengan menangguhkan pelaburan besar sehingga terdapat petunjuk yang lebih jelas daripada rundingan antara AS dan China.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

4. Sebagai negeri pengeluar cip *Advanced Micro Device* (AMD) dan AI, apakah strategi negeri di dalam menangani perkara-perkara berikut:-
- (i) Peningkatan kos pengeluaran;
 - (ii) Penurunan daya permintaan; dan
 - (iii) Peluang inovasi akan menjadi kecil dan tiada pengembangan baharu.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. Sebagai sebuah negeri pengeluar cip utama dan pusat pembangunan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI), Pulau Pinang telah merangka pelbagai strategi menyeluruh untuk menghadapi cabaran industri yang semakin kompleks.

- (i) Pengurangan Kos Pengeluaran

Pulau Pinang menggalakkan automasi dan digitalisasi menerusi pelaksanaan Revolusi Industri 4.0 serta pelaburan dalam zon industri pintar seperti *Bayan Lepas Free Industrial Zone*. Usaha ini diperkukuh dengan pembangunan modal insan berkemahiran tinggi melalui kerjasama dengan institusi pendidikan seperti Universiti Sains Malaysia (USM) dan Penang Skills Development Centre (PSDC) bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing.

Strategi penyumberan tempatan (local sourcing) turut diperkenalkan bagi mengurangkan kos logistik dan masa

penghantaran, melalui inisiatif seperti *Supplier Day* dan *Business Matching Day*. Dari segi infrastruktur, pembangunan taman perindustrian moden seperti Bandar Cassia Technology Park, Batu Kawan Industrial Park 3, dan Penang Science Park South menyediakan ruang perindustrian dengan kos yang kompetitif.

Sokongan tambahan diberikan melalui inisiatif Penang Silicon Design @5KM+ yang menyediakan kemudahan seperti subsidi ruang pejabat dan akses kepada peralatan teknologi. Program pembangunan bakat seperti PGIA 2.0 #GenAI Readiness pula menyasarkan latihan dalam teknologi AI bagi meningkatkan kecekapan operasi dan menurunkan kos secara menyeluruh.

(ii) Menangani Penurunan Daya Permintaan

Dalam menghadapi penurunan permintaan global, Pulau Pinang mempelbagaikan produk dan pasaran termasuk meneroka pasaran antarabangsa seperti Eropah dan Asia serta memperluas pengeluaran teknologi berimpak tinggi seperti IoT, EV dan teknologi perubatan. Usaha ini disokong oleh kerjasama strategik bersama syarikat antarabangsa serta penganjuran persidangan teknologi bagi memperkukuh jenama negeri sebagai hab teknologi global.

Pelaburan Asing (FDI) dan Domestik (DDI) turut digiatkan melalui program seperti misi perdagangan antarabangsa dan forum pelaburan anjuran InvestPenang. Pelaburan baharu dipertingkatkan dengan insentif fiskal dan kemudahan infrastruktur yang lengkap, menyumbang kepada peluang pekerjaan, pemindahan teknologi, serta pengukuhan rangkaian bekalan tempatan.

Inovasi produk yang memenuhi keperluan pasaran semasa turut dipacu melalui teknologi AI dan GenAI, disokong oleh kursus seperti “Reka Bentuk dan Pembangunan LLM Enterprise” di bawah PGIA 2.0 yang memastikan kesiapsiagaan tenaga kerja dalam menghadapi perubahan pasaran.

(iii) Pengukuhan Inovasi dan Ekosistem Teknologi

Bagi menjamin pertumbuhan inovasi yang berterusan, Pulau Pinang memperkukuh ekosistem teknologi melalui pusat penyelidikan seperti CREST dan dana seperti Penang i4.0 Seed

Fund yang menyokong syarikat pemula dan perusahaan teknologi tinggi. Pendekatan kolaboratif antara kerajaan, industri dan institusi akademik digerakkan bagi merangsang aktiviti R&D dan penghasilan teknologi baharu.

Tumpuan pelaburan diberikan kepada projek strategik berimpak tinggi seperti reka bentuk litar bersepadu (IC), pembungkusan lanjutan, dan kecerdasan buatan, terutamanya dalam sektor elektronik, semikonduktor dan teknologi perubatan. Inisiatif Penang Silicon Design @5km+ menyokong sasaran ini dengan menyediakan ekosistem bersepadu bagi pelaburan dan inovasi dalam bidang reka bentuk silikon.

Program PGIA 2.0 #GenAI Readiness turut memainkan peranan penting dalam memperkasa kemahiran tenaga kerja dalam teknologi AI, yang membolehkan syarikat memperkenalkan penyelesaian inovatif serta meneroka pasaran baharu.

Melalui pelaksanaan strategi yang menyeluruh meliputi insentif pelaburan, pembangunan ekosistem teknologi, serta pengukuhan bakat tempatan, Pulau Pinang bukan sahaja berjaya menarik pelaburan baharu tetapi turut menggalakkan pertumbuhan syarikat sedia ada. Langkah ini memperkukuh daya saing industri tempatan di peringkat global dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri yang mampan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

5. Sejauh manakah penuntut-penuntut dan silibus STEM boleh membantu negeri ini di dalam mengekalkan tenaga kerja yang diperlukan oleh industri sekarang dalam menghadapi perkara berikut:
- (a) Halangan tarif eksport yang tinggi.
 - (b) Banyak kilang yang menamatkan operasi dan tiada perjawatan baru.

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. (a) Pengajaran dan pembelajaran ilmu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) memainkan peranan penting dalam mengekalkan tenaga kerja mahir meskipun berdepan cabaran masa kini seperti halangan tarif eksport yang tinggi dan penutupan kilang. Dengan memberikan penekanan kepada kemahiran inovasi, penyelesaian masalah dan penyelidikan, penuntut-penuntut STEM berupaya membantu industri menghasilkan produk berkualiti dan bernilai tambah, sekaligus tidak bergantung kepada pasaran eksport yang dikenakan tarif yang tinggi. Selain itu, melalui penguasaan teknologi automasi, kecerdasan buatan (AI) dan analisis data, para pemain industri mampu mengurangkan kos operasi, meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kesan langsung daripada tarif eksport tersebut.

- (b) Dalam menghadapi masalah kilang yang menamatkan operasi dan kekurangan perjawatan baharu, bakat-bakat STEM mampu mencipta peluang pekerjaan melalui pembangunan industri baharu seperti teknologi hijau, bioteknologi dan ekonomi digital yang membolehkan mereka bekerja dalam pelbagai sektor selain pembuatan, termasuk kewangan, logistik dan perkhidmatan IT. Selain itu, kewujudan tenaga kerja berkemahiran tinggi melalui STEM boleh menarik pelaburan asing ke Pulau Pinang, terutamanya dalam sektor berteknologi tinggi seperti semikonduktor, farmaseutikal dan peranti perubatan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

6. Pulau Pinang merupakan tempat tumpuan pelancong-pelancong luar dan dalam negeri. Apakah Kerajaan Negeri masih memberi tumpuan dan menaik taraf infra-infra tempat tumpuan pelancong?
- (a) Apakah status Muzium Pulau Pinang pada masa ini?
 - (b) Berapa ramaikah pelancong domestik dan luar negara pada tahun 2024?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa berusaha menaik taraf infra-infra tempat tumpuan pelancong di negeri ini.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menaik taraf infrastruktur di kawasan tumpuan pelancong di kawasan George Town seperti berikut:

- (i) Penyediaan Tempat Letak Kenderaan Bertingkat;
 - 1) MBPP telah membina tempat letak kenderaan bertingkat di beberapa lokasi strategik seperti di Lebuhraya Pantai, Lebuhraya Union dan Jalan Hutton. Ini telah membantu menyelesaikan masalah kesesakan tempat letak kenderaan di kawasan George Town.

- (ii) Penggalakan Penggunaan Pengangkutan Awam;
 - 1) MBPP menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dengan menyediakan Perkhidmatan Bas *Central Area Transit* (CAT) secara percuma. Penggunaan Bas CAT dilihat meningkat dari tahun ke tahun dengan kerjasama antara MBPP dan Rapid Penang untuk memastikan perkhidmatan bas awam ini lebih efektif, selesa dan popular.
- (iii) Peningkatan Fasiliti Penggunaan Basikal;
 - 1) MBPP sedang berusaha untuk meningkatkan kemudahan bagi pengguna basikal di Pulau Pinang. Ini termasuk menyediakan lebih banyak laluan basikal dan fasiliti sokongan untuk meningkatkan penggunaan basikal sebagai satu alternatif pengangkutan.
- (iv) Projek Pelebaran Jalan dan Sistem Jalan Sehala;
 - 1) MBPP juga melaksanakan projek pelebaran jalan serta sistem jalan sehala untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan George Town dan seterusnya meningkatkan kelancaran trafik.
- (v) Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang;
 - 1) Kerajaan Negeri telah meluluskan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang, yang memberi tumpuan kepada peralihan dari penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam. Ini bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas. Salah satu cadangan utama dalam pelan ini adalah pembinaan sistem LRT dari George Town ke bahagian selatan pulau, yang dijangka siap pada tahun 2031.
- (vi) Cadangan Tempat Letak Kereta di Pengkalan Weld; dan
 - 1) MBPP sedang mengkaji pembinaan tempat letak kereta di tanah milik Kerajaan Negeri di Pengkalan Weld, berhadapan Pengkalan Raja Tun Uda. Tempat letak kereta ini akan dibuka untuk kegunaan

orang ramai, menjadikannya satu pilihan tambahan untuk parkir di kawasan tersebut.

(vii) Penyelenggaraan dan Naik taraf Infrastruktur di Kawasan Pelancongan

- 1) MBPP sentiasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf infrastruktur di kawasan tumpuan pelancong seperti kawasan Warisan Dunia UNESCO George Town. Ini termasuk penyelenggaraan sistem saliran, bahu jalan dan penurapan jalan menggunakan kaedah *mill and pave*. MBPP juga melaksanakan projek-projek naik taraf sistem saliran dan bahu jalan untuk memastikan infrastruktur di kawasan pelancongan tersebut berada dalam keadaan yang baik;
- 2) Langkah-langkah ini mencerminkan usaha MBPP dalam mempertingkatkan kemudahan awam dan infrastruktur di George Town untuk mengatasi isu kesesakan lalu lintas, menyediakan lebih banyak pilihan pengangkutan, dan memastikan kawasan tumpuan pelancong tetap terpelihara dengan baik; dan
- 3) Sementara itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai juga sentiasa memberi tumpuan terhadap usaha menaik taraf infrastruktur di tempat-tempat tumpuan pelancong di Seberang Perai. Antara projek yang telah dilaksanakan adalah projek menaik taraf Butterworth Art Walk di Lorong Belakang Bagan Luar 2. Projek pengindahan reka bentuk bandar dengan menaik taraf lorong belakang dan lorong sisi ini dikenali sebagai Butterworth Art Walk. Projek ini mendapat peruntukan daripada Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC) dengan kos sebanyak RM250,000.00 dan siap sepenuhnya pada bulan Disember 2024.

- (a) Status Projek Menaik taraf & Kerja- Kerja Restorasi Bangunan Muzium di Lebuhraya Farquhar adalah bagi Fasa 1, iaitu Kerja-Kerja Restorasi dan Baik pulih Bangunan Muzium telah siap

sepenuhnya dan pelaksanaan bagi Fasa 2 iaitu Kerja-Kerja Hiasan Dalaman di tapak sedang dijalankan. Status terkini projek untuk Fasa 2 adalah sebanyak 32%.

- (b) Berdasarkan statistik pelancong yang menginap di hotel yang telah disediakan oleh Tourism Malaysia, jumlah pelancong tempatan bagi tahun 2024 adalah 5,236,584 orang manakala pelancong asing adalah seramai 3,000,488 orang. Jumlah keseluruhan pelancong yang menginap di hotel di Pulau Pinang sepanjang tahun 2024 adalah seramai 8,237,072 orang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

7. Setakat 1/3 tahun pertama tahun 2025, berapakah jumlah pelancong luar negara mengikut pecahan yang telah mengunjungi Negeri Pulau Pinang mengikut negara:
- (i) China;
 - (ii) Indonesia; dan
 - (iii) Thailand.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Berdasarkan jumlah ketibaan antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, sehingga bulan Mac 2025, jumlah pelancong luar negara yang telah mengunjungi Negeri Pulau Pinang mengikut negara adalah seperti berikut:
- (i) China - 45,939 orang;
 - (ii) Indonesia - 95,227 orang; dan
 - (iii) Thailand - 6,765 orang.

Jumlah ini hanya merangkumi ketibaan antarabangsa melalui lapangan terbang dan tidak termasuk pelancong asing yang memasuki Pulau Pinang melalui penerbangan domestik, darat serta laut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

8. Berapa ramaikah pelancong yang telah melawat Taman Negara pada tahun 2024?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Berikut adalah jumlah pelancong berbayar yang telah melawat Taman Negara Pulau Pinang (TNPP) pada tahun 2024 :

Pelawat TNPP 2024	Jumlah
Dalam Negara	35,500
Luar Negara	28,508
Jumlah	64,008

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

9. Permasalahan rumah PPR yang terdapat di Titi Teras dan Sungai Pinang yang tergendala hampir 10 tahun.
- (a) Apakah status kedua-dua perumahan tersebut?
 - (b) Bagaimanakah penyelesaian pembayaran rumah yang tergendala?
 - (c) Bilakah jangka masa rumah ini boleh diduduki?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Berdasarkan rekod sistem *Transforming & Empowering Data Usage In Housing* (TEDUH) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), projek sakit didefinisikan sebagai projek yang mengalami kelewatan melebihi 30% berbanding kemajuan yang sepatutnya atau telah tamat tempoh Perjanjian Jual Beli (PJB). Terdapat tiga (3) projek pembangunan Rumah MutiaraKu (RMKu) yang diklasifikasikan sebagai projek sakit yang dimajukan oleh pemaju yang sama (Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd. - PBSB) iaitu Kondominium Montage, Pangsapuri Quinton (PQ) dan Pangsapuri Sri Bayu (PSB). Dua (2) daripada projek ini iaitu Projek PQ dan PSB terletak di kawasan Titi Teras dan Sungai Pinang. Butiran berkenaan kedua-dua projek tersebut adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

Bil.	Nama Projek	Pemaju	Jenis RMKu	Jumlah Unit	Baki Unit	Projek Sakit Sejak Tahun
1.	RMKu PQ	PBSB	C3	338	188	2017
			C2	41	Tawaran selesai	
2.	RMKu PSB		B	123		2018
			A	166		

Jadual 1: Butiran Projek Sakit di Titi Teras dan Sungai Pinang

- (a) RMKu PQ merupakan projek sakit sejak tahun 2017 yang seharusnya siap dibina pada suku pertama tahun 2023. Manakala RMKu PSB pula merupakan projek sakit sejak tahun 2018 yang seharusnya siap dibina pada suku keempat tahun 2022. Sehingga tarikh berakhir 20 April 2025, kemajuan bagi RMKu PQ telah mencapai 71.11% manakala kemajuan RMKu PSB telah mencapai 89.7%. Kedua-dua projek tersebut telah mengalami kelewatan melebihi 30% berbanding kemajuan yang sepatutnya dicapai.
- (b) Bagi unit-unit perumahan yang telah dijual di bawah kedua-dua projek sakit tersebut, pembeli masih perlu menyelesaikan pembayaran kepada pihak pembiaya iaitu institusi kewangan dan perbankan mengikut kontrak PJB yang telah termeterai.
- (c) KPKT adalah pihak yang bertanggungjawab dalam memastikan isu projek ini dihidupkan semula. Namun, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin dan bertanggungjawab telah mengambil pendekatan dengan cuba mendapatkan khidmat pemaju penyelamat (*white knight*) bagi meneruskan pembangunan projek-projek sakit tersebut bagi mengelakkan keadaan yang akan membebaskan pembeli. Usaha ini masih di peringkat perancangan dan jangka masa untuk unit-unit di bawah kedua-dua projek itu dapat diduduki adalah bergantung kepada penjadualan semula kerja dan pemaju penyelamat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

10. Berapa buah rumahkah LPNPP telah menyediakan rumah (RMKu) jenis A di Kuala Jalan Baru (Taman K-Park) kepada penerima-penerima yang terkesan dengan projek PSI Batu Maung?

Adakah ianya satu lawan satu atau ada pengiraan lain?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) menawarkan Rumah MutiaraKu (RMKu) Jenis A di Taman Idaman Prestij (K-Park) pada harga RM42,000.00. Sebanyak 612 unit daripada keseluruhan 1,175 unit RMKu tersebut ditawarkan secara Sewa Beli (*Rent to Own – RTO*).

Setakat ini, tiada keputusan berhubung simpanan unit RMKu diprojek tersebut sebagai unit pampasan untuk ditawarkan kepada penduduk yang terlibat dengan pelaksanaan projek *Penang Silicon Island* (PSI). Namun, penduduk sedia ada di sekitar Permatang Damar Laut dan juga Batu Maung yang layak dan menepati syarat permohonan RMKu A akan diberi pertimbangan sewajarnya untuk memohon unit rumah tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

11. Bilakah mereka akan mula menduduki perumahan (RMKu) ini?
- (a) Apakah kesannya bagi pemohon-pemohon yang duduk di Balik Pulau kepada perkara ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Berdasarkan maklum balas yang diperolehi daripada YB ADUN Telok Bahang pada 29 April 2025, projek perumahan yang dimaksudkan adalah Rumah MutiaraKu (RMKu) Taman Idaman Prestij (K-Park). Manakala, mereka yang terlibat yang dimaksudkan pula adalah penduduk yang terkesan dengan projek pembangunan *Penang Silicon Island* (PSI).

Taman Idaman Prestij keseluruhannya mempunyai sebanyak 1,175 unit RMKu. Sebanyak 612 unit daripadanya telah ditawarkan sebagai unit Sewa Beli (Rent To Own - RTO) pada harga RM42,000.00. Tiada unit pampasan yang diperuntukkan di projek ini buat penduduk yang terlibat dengan projek PSI. Namun, penduduk sedia ada di sekitar Permatang Damar Laut dan juga Batu Maung yang menepati syarat permohonan RMKu A akan diberi pertimbangan sewajarnya untuk memohon unit rumah tersebut.

Permohonan unit RMKu A ini adalah berdasarkan kepada syarat-syarat seperti berikut:

- (a) Pemohon dan pasangan warganegara Malaysia;
- (b) Berumur 21 tahun ke atas;

- (c) Pemohon pengundi berdaftar di Pulau Pinang;
- (d) Bekerja di Pulau Pinang;
- (e) Status pemohon berkahwin/janda/duda;
- (f) Pemohon dan pasangan tidak pernah memiliki hartanah;
- (g) Pendapatan pemohon dan pasangan tidak melebihi RM2,500.00 untuk RMKu A (RM42,000.00); dan
- (h) Pendapatan pemohon dan pasangan tidak melebihi RM3,500.00 untuk RMKu B (RM72,500.00).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

12. Terdapat juga pendatang-pendatang asing yang menggunakan kemudahan hospital.
- (a) Berapakah caj yang dikenakan bagi mereka untuk mendapatkan rawatan di hospital?
 - (b) Adakah deposit diperlukan untuk mereka mendapatkan rawatan di rumah sakit awam?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. (a) Caj bagi warga asing di kemudahan kesihatan kerajaan adalah mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) Kos Perkhidmatan 2014. Caj yang dikenakan adalah pelbagai bergantung pada jenis perkhidmatan yang diterima seperti di **LAMPIRAN A.**
- (b) Kadar Deposit bagi kemasukan pesakit warga asing adalah seperti dalam Surat Edaran Timbalan Ketua Setiausaha (kewangan), KKM rujukan (50)dlm.KKM400-8/1/89Jld.2 bertarikh 4 April 2017. Caj ini juga adalah pelbagai mengikut jenis perkhidmatan yang diterima seperti di **LAMPIRAN B.**

LAMPIRAN A**CAJ PERUBATAN BAGI WARGA ASING****Fi Pesakit Luar**

BIL.	PROSEDUR	KOS PERKHIDMATAN BAGI SATU RAWATAN (RM)
HOSPITAL		
1.	Pesakit luar am	40.00
2.	Pesakit luar pakar	120.00
3.	Jabatan Kecemasan	100.00
KLINIK KESIHATAN		
4.	Pesakit luar am	40.00
5.	Pesakit luar pakar	120.00
6.	Klinik 1 Malaysia	40.00
7.	Klinik Desa	40.00
LAIN-LAIN		
8.	Perkhidmatan kesihatan kanak-kanak	40.00
9.	Rawatan obstetrik dan genokologi	40.00
10.	Perkhidmatan postnatum	40.00
11.	Calitan pap	45.00
12.	Perkhidmatan bersalin	200.00
13.	Perkhidmatan perubatan di luar hospital	300.00 untuk setiap lawatan selain dari apa-apa tuntutan bagi perjalanan, sara hidup dan penginapan mengikut kadar yang ditentukan oleh Kerajaan.

Fi Wad

BIL.	PROSEDUR	KOS PERKHIDMATAN BAGI WAD SEHARI (RM)
EKSEKUTIF		
1.	Bilik 1 Katil (VIP)	500.00
2.	Bilik 1 Katil	400.00
3.	Bilik 2 Katil	340.00
KELAS SATU		
4.	Bilik 1 Katil	320.00
5.	Bilik 2 Katil	240.00
6.	Bilik 3 Katil atau lebih	200.00
7.	Kelas Dua	180.00
8.	Kelas Tiga	180.00
9.	Bilik bersalin	300.00
10.	Unit rawatan intensif atau unit rawatan koronari (dewasa)	360.00
11.	Unit rawatan intensif atau unit rawatan koronari (kanak-kanak)	300.00
12.	Nurseri	60.00
13.	Nurseri rawatan khas	140.00
14.	Nurseri dengan rawatan incubator	170.00
15.	Wad Psikiatri	Berdasar kelas wad dan mengikut bilangan katil

LAMPIRAN B**KADAR DEPOSIT KEMASUKAN PESAKIT WARGA ASING UNTUK
MENDAPATKAN RAWATAN KESIHATAN AWAM**

KELAS WAD	PERUBATAN (RM)	PEMBEDAHAN (RM)	OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI (RM)
Eksekutif	7,000.00	11,000.00	7,000.00
Kelas satu	7,000.00	11,000.00	7,000.00
Kelas dua	3,000.00	5,000.00	5,000.00
Kelas tiga	1,400.00	2,800.00	2,800.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

13. Semasa Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 pada 17 November 2023, Teluk Bahang ada menyuarkan soalan berkaitan tebatan banjir (RTB) dan jawapan EXCO, projek ini kini di fasa kajian reka bentuk. Apakah perkembangan RTB terutamanya di *hotspot* dalam DUN Teluk Bahang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Kajian reka bentuk bagi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Teluk Bahang/ Sungai Pinang yang dirujuk dalam Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 telah ditamatkan berikutan penarikan diri perunding yang dilantik.

Untuk makluman, penarikan diri tersebut berlaku kerana proses permohonan semula peruntukan bagi kos fizikal mengambil masa yang lama. Selain itu, laporan kajian konsep oleh perunding berkenaan turut mengenal pasti beberapa perubahan melibatkan skop, kos dan lokasi projek. Perubahan ini memerlukan penyediaan notis perubahan serta permohonan semula peruntukan.

Pada masa ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia sedang dalam proses menyediakan draf Memorandum Jemaah Menteri (MJM) bagi permohonan pindaan skop, komponen, output, outcome, tempoh pelaksanaan serta pertambahan kos projek tersebut.

Bagi kawasan *hotspot* Taman Nelayan di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Teluk Bahang, Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) telah melantik perunding bagi menjalankan kajian reka bentuk terperinci bagi menaik taraf system saliran di Taman Nelayan, Kuala Sungai Pinang. Kajian ini kini di peringkat awalan reka bentuk. Selain itu, bagi kawasan *hotspot* lain di dalam DUN Teluk Bahang, JPSPP akan melaksanakan kajian secara berperingkat sebelum sebarang pelaksanaan projek fizikal dapat dilaksanakan tertakluk kepada keperluan dan ketersediaan peruntukan semasa.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

14. Isu *scammer* telah menghantui pengguna-pengguna telefon bimbit.
- (a) Berapakah jumlah kes penipuan *scammer* bagi tahun 2024 dan jumlah kerugian di negeri ini?
 - (b) Mangsa-mangsa *scammer* ini terdiri dari golongan muda atau yang bersara?
 - (c) Apakah bentuk strategi yang SKMM perkenalkan kepada pengguna agar tidak terjebak dengan *scammer* ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. (a) Jumlah kes penipuan *scammer* bagi tahun 2024 dan kerugian bagi Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 2,234 kes dengan jumlah kerugian sebanyak RM 125,598,546.77.

BIL	MODUS OPERANDI	JUMLAH KES	KERUGIAN
1	E-Dagang	476	6,541,069.78
2	Pinjaman Tidak Wujud	328	5,703,410.29
3	Pelaburan	484	73,933,011.14
4	Penyamaran Talian	288	8,975,723.95
5	Tipu Tawaran Kerja	333	11,199,608.91
6	Macau Scam	251	14,479,811.07
7	Love Scam / Parcel Scam	74	4,765,911.63
JUMLAH		2,234	125,598,546.77

- (b) Mengikut statistik, kebanyakan mangsa-mangsa *scammer* terdiri daripada golongan muda berumur diantara 21 hingga 40 tahun.

UMUR	JUMLAH KES
15-20	7
21-30	111
31-40	102
41-50	59
51-60	40
60 >	9
JUMLAH	328

- (c) Kegiatan penipuan sama ada secara dalam talian ataupun luar talian adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti, atau agensi-agensi berkenaan, bergantung kepada bentuk penipuan yang dijalankan.

Penglibatan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dalam menangani penipuan dalam talian meliputi aspek bantuan teknikal berhubung pembekalan maklumat dan analisis forensik digital bagi memperlancarkan siasatan pihak berkuasa. MCMC juga membantu pihak berkuasa melaksanakan tindakan penurunan kandungan yang melanggar undang-undang berdasarkan permohonan yang diterima.

Dalam tempoh 1 Januari 2022 sehingga 15 April 2025, penyedia perkhidmatan media sosial telah menurunkan sebanyak 100,618 kandungan media sosial berunsur penipuan hasil daripada permohonan MCMC. Selain itu, MCMC juga telah memohon penyedia perkhidmatan untuk menyekat lima (5) laman sesawang yang mengandungi unsur penipuan.

Bagi memastikan usaha membendung jenayah penipuan dalam talian dilaksanakan dengan lebih strategik, Kerajaan telah menubuhkan Pusat Respons Penipuan Kebangsaan atau *National Scam Response Centre* (NSRC). NSRC bertindak

sebagai pusat sehenti yang membolehkan orang ramai melaporkan aktiviti penipuan dengan cepat dan mudah.

Pusat ini berperanan membantu mangsa penipuan dengan membekukan segera akaun bank yang disyaki terlibat dalam transaksi penipuan bagi mengurangkan kerugian mangsa, mengesan *money trail*, serta mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pelaku jenayah.

Di samping itu, gabungan agensi-agensi di bawah NSRC juga melaksanakan kempen kesedaran bersepadu di peringkat kebangsaan dengan kerjasama media tempatan dan media sosial. Kempen kesedaran ini mengetengahkan mesej pentingnya supaya orang awam berhati-hati terhadap penipuan dalam talian.

Antara inisiatif yang diketengahkan melalui kempen ini adalah portal "Semak Mule" oleh Polis Diraja Malaysia yang boleh diakses oleh orang awam untuk menyemak maklumat akaun dan talian yang mencurigakan.

Kerajaan melalui MCMC juga telah melancarkan Kempen Internet Selamat pada bulan Januari lalu yang bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keselamatan dalam talian bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa jenayah dalam talian, dan seterusnya mewujudkan persekitaran dalam talian yang lebih selamat. Buat masa ini, Kempen ini akan dilaksanakan di 10,000 sekolah rendah dan menengah kebangsaan, Institusi Pengajian Tinggi serta Institut Pendidikan Perguruan, melalui beberapa inisiatif libat urus dan kerjasama dengan Majlis Perwakilan Pelajar di universiti awam seluruh negara.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

15. Terdapat PPK di kawasan pertanian yang banyak melakukan aktiviti pertanian namun terdapat juga PPK yang menggunakan konsep komisen, bersih kawasan, bajak tanah dan potong padi.
- (a) Nyatakan apakah PPK tidak mampu melaksanakan aktiviti itu secara sendiri.
 - (b) Kadang-kadang aktiviti ini dimonopoli oleh seorang tauke sahaja atau kartel. Apakah tindakan PPK?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. (a) Bagi memudahkan urusan penyelarasan dan penyelenggaraan mekanisasi ladang, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Pulau Pinang bertanggungjawab untuk menyelaras pengurusan pembajakan dan aktiviti mekanisasi secara berpusat bagi setiap negeri/wilayah. PPN Pulau Pinang melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan keupayaan mekanisasi sebanyak 40% bagi kawasan pertanian di Negeri Pulau Pinang.
- (b) Perkhidmatan mekanisasi pertanian dilaksanakan melalui permintaan daripada golongan sasaran iaitu anggota dan ahli Pertubuhan Peladang. Pertubuhan Peladang juga turut bertindak sebagai penimbal harga agar kadar perkhidmatan mekanisasi ini tidak dipengaruhi oleh kenaikan harga yang tidak munasabah berasaskan pasaran bebas agar dapat membantu pesawah supaya tidak terbeban dengan kenaikan kos-kos yang lain.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

16. Masalah peniaga-peniaga jalanan yang telah mendapat notis dari MBPP.
- (a) Nyatakan adakah permohonan tempat perniagaan / stall perniagaan bagi mereka-mereka yang telah diberi notis disediakan.
 - (b) Peniaga yang menyewa rumah kedai yang tiada plan, susah untuk mendapat lesen. Bagaimanakah cara untuk mereka mendapat lesen berniaga MBPP?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. (a) Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak menyediakan tempat perniagaan/*stall* perniagaan bagi peniaga kecil/penjaja yang telah diberi notis atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen. Peniaga kecil/penjaja perlu membuat permohonan kepada pihak MBPP berdasarkan pengiklanan oleh pihak MBPP. Sesiapa sahaja termasuk penjaja baharu dan penerima notis MBPP boleh mengemukakan permohonan. Setiap permohonan yang diterima akan ditapis melalui temuduga terbuka dan akan dinilai melalui skim permarkahan yang sedia ada.
- (b) Mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak MBPP, bangunan di atas tanah persendirian yang hendak dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai premis perniagaan perlu mempunyai Pelan Bangunan yang diluluskan oleh PBT. Namun pematuhan pada syarat ini agak sukar kepada peniaga kecil/penjaja tersebut kerana kos untuk

mengemukakan Pelan Bangunan adalah agak mahal. Oleh yang demikian, pihak MBPP kini sedang mengkaji semula kaedah alternatif untuk membantu peniaga kecil/penjaja yang menyewa rumah kedai tanpa pelan bagi memperolehi lesen perniagaan yang sah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

17. Isu penyalahgunaan dadah dan penjualan air ketum.
- (a) Apakah tindakan jangka masa panjang dan jangka masa pendek AADK di dalam menyekat aktiviti ini?
 - (b) Berapa peratuskah penagih/penggunaan air ketum di bahagian Barat Daya?
 - (c) Terdapat token-tokan yang menjalankan aktiviti ini, berapa ramaikah mereka yang terlibat telah ditangkap di Barat Daya?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. (a) Bagi menangani isu penyalahgunaan dadah di Negeri Pulau Pinang, Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri (AADK) dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah melaksanakan Fokus 5 Tahun Penang Lawan Ancaman Dadah (PLAD) bagi tempoh 2021 sehingga penghujung 2025. Perancangan PLAD melalui empat strategi utama iaitu Pengurangan Kawasan Berisiko Tinggi, Pemerkasaan Pendidikan Pencegahan Dadah, Pengekangan Penawaran Dadah dan Perluasan Rawatan dan Pemulihan Penagihan Dadah. Program telah dirancang dan dilaksanakan mengikut 4 kumpulan sasaran utama iaitu Komuniti, Institusi pendidikan, tempat kerja dan Keluarga.

Selain daripada itu pihak AADK, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan farmasi sentiasa bekerjasama dalam usaha bersepadu untuk mengesan dan menangkap pengusaha air ketum bagi

mengurangkan permintaan terhadap air ketum. Operasi bersepadu ini adalah dilaksanakan secara berterusan. Namun begitu, peranan hukuman yang dijatuhkan oleh pihak mahkamah juga adalah penting dalam menangani aktiviti ini supaya tidak berleluasa.

- (b) Berdasarkan anggaran terkini jumlah penduduk di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang adalah sekitar 248,300 orang termasuk warga asing yang bekerja di sekitar Negeri Pulau Pinang.

Pelbagai usaha dilakukan oleh pihak PDRM dalam membanteras dan menangkap penagih/ pengguna air ketum di sekitar Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Berdasarkan data dari 1 Januari 2020 sehingga 15 April 2025, pihak PDRM telah berjaya menahan penagih/ pengguna air ketum seramai 1,079 orang di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Ini menunjukkan peratus penangkapan penagih/ pengguna air ketum yang berjaya ditangkap adalah sebanyak 0.0043% dari jumlah penduduk setempat.

Oleh yang demikian pihak PDRM memerlukan maklumat dan bantuan dari orang awam bagi membantu membanteras sepenuhnya penggunaan air ketum di Negeri Pulau Pinang khususnya di Daerah Barat Daya.

- (c) Jumlah pengusaha air ketum yang berjaya di tahan di Daerah Barat Daya adalah seramai 12 orang berdasarkan data dari 1 Januari 2020 sehingga 15 April 2025.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

18. Disebabkan penguatkuasaan yang berterusan, aktiviti penyeludupan rokok-rokok haram / minuman haram di Daerah Barat Daya agak kurang menonjol namun masih ada.
- (a) Berapa banyakkah tangkapan pada tahun 2024?
 - (b) Berapakah jumlah saman yang dikenakan?
 - (c) Berapakah kes terbaru setakat suku pertama tahun 2025?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

18. (a) Data terkini berkaitan statistik bagi aktiviti penyeludupan rokok haram dan minum keras (RMK) di negeri ini adalah data terkini yang diperolehi daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 273 kes tangkapan berkaitan RMK telah direkodkan di seluruh negeri Pulau Pinang. Manakala bagi Daerah Barat Daya sahaja adalah sebanyak 24 kes tangkapan telah berjaya dilakukan.
- (b) Jumlah saman atau kompaun yang dikeluarkan bagi kesemua kes ini melibatkan nilai keseluruhan sebanyak RM413,000.00, manakala bagi skala kecil di Daerah Barat Daya, anggaran nilai adalah sekitar RM10,000.00.
- (c) Bagi suku pertama tahun 2025, sebanyak 72 kes berkaitan RMK telah direkodkan di seluruh negeri, dengan 13 tangkapan berjaya dilakukan di Daerah Barat Daya. Perkembangan ini menunjukkan usaha penguatkuasaan yang berterusan dalam

membanteras aktiviti penyeludupan di peringkat negeri dan daerah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

19. Di bahagian Barat Daya berapa banyakkah pusat dialisis swasta dan kerajaan yang ada?
- (a) Berapa ramaikah pesakit-pesakit dialisis yang sedang menjalani rawatan di Barat Daya?
 - (b) Isu pembiayaan pusat dialisis agak kritikal bagi pesakit-pesakit yang tiada SOCSO. Mampukah JKM dan Zakat membantu keperluan ini?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Bilangan pusat dialisis di Daerah Barat Daya adalah sebanyak sembilan (9) yang merangkumi pusat dialisis kerajaan sebanyak satu (1) di Hospital Balik Pulau (HBP) dan lapan (8) pusat dialisis swasta.
- (a) Sehingga kini, seramai 21 pesakit sedang menerima rawatan dialisis di Hospital Balik Pulau, manakala seramai 392 pesakit sedang menerima rawatan di pusat dialisis swasta.
 - (b) Zakat Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) mempunyai dua (2) cawangan Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ) MAINPP di Daerah Barat Daya iaitu PHZ MAINPP Balik Pulau dengan bilangan pesakit semasa seramai sembilan (9) orang dan PHZ MAINPP Sungai Tiram dengan bilangan pesakit semasa seramai 23 orang. Buat masa ini, masih terdapat kekosongan bagi kegunaan 11 orang pesakit iaitu sembilan (9) kekosongan di PHZ MAINPP Balik Pulau dan dua (2) kekosongan di PHZ MAINPP Sungai Tiram.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

20. Faktor menunggu lama bagi pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan di hospital dan KKM.
- (a) Nyatakan masa menunggu dari *Emergency Room* (ER) diperlukan bagi seorang pesakit sebelum ditempatkan di wad selepas didaftarkan.
 - (b) Bagi pesakit luar, berapakah masa yang diberi kepada seseorang pesakit sehingga selesai rawatan?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Antara faktor utama yang menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lama adalah kerana kekurangan bilangan katil pesakit di hospital terutamanya katil untuk menempatkan pesakit-pesakit dengan keperluan tertentu seperti kes intubasi.
- (a) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mensasarkan masa menunggu dari *emergency room* untuk kemasukan wad adalah dibawah 240 minit. Walau bagaimanapun pada tahun 2024, tiga (3) dari enam (6) buah hospital awam di Pulau Pinang tidak mencapai sasaran ini.
 - (b) Bagi pesakit luar, sasaran yang ditetapkan adalah di bawah 90 minit dari pesakit mula mendaftar sehingga berjumpa dengan doktor. KKM tidak menetapkan sasaran sehingga pesakit selesai menerima rawatan kerana tempoh tersebut

adalah bergantung kepada jenis rawatan dan keperluan setiap pesakit dan jabatan.

Namun begitu, pelbagai perancangan telah dan sedang dilaksanakan bagi menambah kemudahan di hospital Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Antaranya adalah seperti pembinaan Multi Storey Block Hospital Seberang Jaya, Blok Wanita dan Kanak-Kanak Hospital Pulau Pinang, Blok Pakar Hospital Pulau Pinang dan lain-lain lagi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

21. Sukan *eSports* merupakan satu corak permainan yang sedang meningkat maju pada masa kini.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai platform untuk mengangkat martabat *eSports* bagi Pulau Pinang?
 - (b) Jika ada, sejauh manakah kekerapan pertandingan ini diadakan?
 - (c) Sehingga peringkat manakah pertandingan ini diadakan?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. (a) Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dengan kerjasama Persatuan Sukan Elektronik Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) sentiasa berusaha dalam mewujudkan pelbagai platform pembangunan sukan elektronik yang memberi manfaat kepada komuniti *eSports* dengan penganjuran pelbagai kejohanan, bengkel dan program yang dapat membangunkan sukan ini di Negeri Pulau Pinang.
- (b) Pada tahun ini, sebanyak 14 program pembangunan sukan *eSports* telah dirancang yang turut merangkumi penganjuran enam (6) kejohanan dengan kekerapan pelaksanaan pada setiap suku tahun.
- (c) Berteraskan kepada keupayaan sukan *eSports* untuk dikendalikan secara atas talian, pelaksanaan serta penyertaan

program-program yang dianjurkan berupaya diperluaskan kepada semua peringkat komuniti melewati daerah, negeri, wilayah utara, kebangsaan dan antarabangsa yang seterusnya memberi pendedahan kepada setiap lapisan dan peringkat masyarakat demi membangunkan sukan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

22. Dron (UAV) telah menjadi satu peralatan yang membantu di dalam pekerjaan semasa seperti mengambil gambar dan penyemburan racun serangga.
- (a) Berapa banyakkah agensi yang mempunyai kemudahan ini?
 - (b) Konsep penggunaan dron bagi tugas yang bagaimana?
 - (c) Apakah Kerajaan Negeri membantu dan menggalakkan penggunaan dron dalam pekerjaan harian mereka terutamanya penanam padi?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. (a) Jabatan Pertanian telah memperuntukkan sebanyak tiga (3) buah dron kepada koperasi pertanian yang aktif di Negeri Pulau Pinang. Bantuan ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam sektor pertanian melalui penggunaan teknologi moden. Koperasi yang telah menerima bantuan dron tersebut adalah seperti yang berikut:
- (i) Koperasi Kelompok Padi Lahar Keapar Pulau Pinang Berhad;
 - (ii) Koperasi Kelompok Permatang Pasir Pulau Pinang Berhad; dan
 - (iii) Koperasi Mini Estet Seri Manggis Pulau Pinang Berhad.

Selain itu, pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) juga turut

memiliki dron sebagai usaha memperkasa sektor pertanian serta menyokong transformasi digital dalam industri agro.

- (b) Dron dapat digunakan untuk mengambil gambar udara dari lokasi projek secara berkala. Ini membantu pemantauan kemajuan projek, mengenalpasti masalah, dan dokumen pemetaan. Dron memainkan peranan penting dalam pertanian moden, khususnya dalam membuat semburan racun dan menabur baja atau benih.

Penggunaan dron untuk meracun dan menabur baja atau benih dapat membantu petani meningkatkan produktiviti, mengurangkan pembaziran sumber dan menambahbaik pengurusan ladang secara keseluruhan. Penggunaan teknologi ini juga menyokong amalan pertanian yang lebih efisien.

Fungsi utama dron bagi kedua-dua aktiviti ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Dilengkapi dengan sistem semburan berkabus yang membolehkan penempatan racun serangga dengan tepat ke kawasan yang terjejas serta mengurangkan pembaziran dan potensi kerosakan pada tanaman yang sihat;
- (ii) Dapat mengakses kawasan yang sukar dijangkau seperti ladang berbukit atau kawasan yang padat serta sukar dijangkau oleh pam racun;
- (iii) Dapat mengurangkan keperluan untuk tenaga kerja manual dalam semburan racun serta menjadikan proses lebih efisien dan menjimatkan masa;
- (iv) Melakukan semburan dengan kelajuan yang tinggi serta membolehkan pemantauan dan respon yang lebih cepat terhadap serangan perosak;
- (v) Memberikan data tentang keadaan tanaman dan populasi serangga perosak serta membantu petani menentukan jika dan bila semburan diperlukan;

- (vi) Menyebarkan baja atau benih dengan lebih merata serta memastikan bahawa setiap kawasan mendapat jumlah yang betul dan membantu mengoptimumkan pertumbuhan tanaman;
 - (vii) Menabur dengan lebih cepat berbanding dengan teknik manual atau mesin tradisional serta membolehkan petani menabur lebih banyak tanah dalam waktu yang lebih singkat. Petani juga dapat mengurangkan kos buruh dan mengurangkan risiko kerosakan pada tanaman; dan
 - (viii) Mengumpul data yang berkaitan dengan kesuburan tanah dan keadaan iklim serta membantu dalam merancang strategi penanaman yang lebih tepat.
- (c) Kerajaan Negeri sentiasa menyokong usaha ini dan bekerjasama dengan jabatan/ agensi berkaitan dalam pelaksanaan perkara-perkara seperti yang berikut:
- (i) Menyediakan program latihan dan bengkel untuk pesawah tentang cara menggunakan dron termasuk operasi, penyelenggaraan dan analisis data;
 - (ii) Mengadakan sesi demonstrasi penggunaan dron di ladang padi untuk menunjukkan kelebihan dan cara kerja teknologi ini secara langsung;
 - (iii) Melaksanakan projek perintis di kawasan-kawasan tertentu di mana pesawah dapat melihat hasil dan manfaat penggunaan dron dalam pengurusan tanaman;
 - (iv) Menawarkan perkhidmatan sewa dron kepada pesawah dengan harga yang berpatutan tanpa perlu membuat pelaburan yang besar secara kerjasama dengan syarikat penyedia dron untuk bekalan alat dan perkhidmatan yang diperlukan;
 - (v) Mengadakan kempen untuk meningkatkan kesedaran tentang manfaat penggunaan dron seperti peningkatan hasil, pengurangan kos, dan pemantauan yang lebih baik;

- (vi) Membentuk kelompok pertanian di kalangan pesawah untuk saling berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai penggunaan teknologi dron;
- (vii) Menggalakkan kerjasama antara pesawah, penyelidik, dan institusi pertanian dalam meneroka cara-cara baharu untuk memanfaatkan dron; dan
- (viii) Mengintegrasikan penggunaan dron dengan teknologi pertanian pintar lain seperti sensor tanah dan analisis data untuk memberikan solusi yang lebih komprehensif kepada pesawah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

23. Pusat pendaratan ikan tuna di Bagan Dalam telah meletakkan Pulau Pinang sebagai negeri yang berjaya di dalam sektor ini.
- (a) Berapa ramaikah nelayan tempatan yang mencebur diri di dalam lapangan ini?
 - (b) Nyatakan usaha Kerajaan Negeri bagi meningkat dan menggalakkan penyertaan nelayan tempatan.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. (a) Sehingga kini, terdapat dua (2) syarikat tempatan yang telah diberi lesen vesel oleh pihak Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang bagi penangkapan ikan tuna.
- (b) DOF Negeri Pulau Pinang sentiasa membuka peluang kepada syarikat tempatan yang berminat untuk menceburi bidang penangkapan ikan tuna. Setelah permit vesel tuna diperolehi, pihak DOF akan mengeluarkan lesen vesel tuna kepada pemohon yang terlibat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

24. North Coastal Paired Road (NCPR) yang menelan belanja sebanyak RM2.43 bilion.
- (a) Berapakah jangka masa yang diambil untuk pembinaan projek ini?
 - (b) Mengambil kira banyak permasalahan terutama mengalihkan laluan dari kawasan kepadatan penduduk, kemungkinan kos akan meningkat. Nyatakan.
 - (c) Berapa buakkah penempatan penduduk yang terpaksa mengalami kesan atau dipindahkan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. (a) Pembinaan keseluruhan jajaran projek dijangka dapat disiapkan dalam masa 5 tahun. Tempoh ini turut mengambil kira kelulusan EIA bagi perubahan pada sebahagian jajaran projek.
- (b) Tiada peningkatan kos yang ketara terhadap perubahan jajaran memandangkan pengurangan kos (*ommission*) telah dibuat di jajaran asal iaitu di kawasan berkepadatan penduduk terutamanya di kawasan Perumahan Mar vista, Persiaran Tanjung Bungah dan Jalan Chan Siew Teong.
- (c) Jumlah penempatan penduduk yang terlibat masih belum dimuktamadkan lagi memandangkan pelan pengambilan tanah masih di peringkat konsep dan belum dimuktamadkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

25. Terdapat simpang 3 di antara Kuala Jalan Baru ke Jalan Baru / Pulau Betong. Sebuah lampu trafik amat diperlukan untuk kemudahan penduduk.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melaksanakan bancian lalu lintas di persimpangan tersebut untuk mengenalpasti keperluan pemasangan lampu isyarat. Status semasa adalah pihak JKR dalam proses menganalisis keperluan pemasangan lampu isyarat beserta reka bentuk yang bersesuaian.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

26. Penyakit strok merupakan penyakit majoriti yang menyerang pesakit muda mahupun tua. Justeru bagi memberi rawatan kepada pesakit-pesakit dari golongan muda, sebuah pusat rehabilitasi yang lengkap amat diperlukan di kawasan Barat Daya.
- (a) Nyatakan statistik pesakit strok yang berumur di bawah 45 tahun.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Perkhidmatan rehabilitasi bagi daerah Barat Daya boleh didapati di Hospital Balik Pulau. Selain itu, Klinik Kesihatan di Barat Daya juga turut menyediakan perkhidmatan rehabilitasi iaitu di Klinik Kesihatan Air Putih dan Klinik Kesihatan Bayan Lepas. Klinik Kesihatan Bayan Baru, Klinik Kesihatan Teluk Bahang dan Klinik Kesihatan Relau turut menyediakan perkhidmatan rehabilitasi secara berjadual.
- (a) Statistik tahun 2024 menunjukkan sebanyak 24.7% dari keseluruhan pesakit strok berumur di bawah 50 tahun iaitu seramai 140 orang pesakit dari 566 pesakit keseluruhannya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

27. Perpustakaan bergerak di bawah Perpustakaan Negeri dilihat amat aktif dan sentiasa berada di kawasan yang ditetapkan.
- (a) Adakah perkhidmatan ini masih mendapat sambutan pembaca?
 - (b) Berapakah jumlah pembaca sebulan?
 - (c) Golongan manakah yang menggunakan perkhidmatan ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. (a) Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) masih mendapat sambutan, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman yang kurang akses kepada perpustakaan fizikal.

Malahan perkhidmatan ini juga mendapat sambutan daripada agensi serta pihak institusi pendidikan awam dan swasta termasuk Badan Bukan Kerajaan di Negeri Pulau Pinang bagi menjayakan program.

Bagi memenuhi keperluan terhadap Perpustakaan Bergerak, PPAPP telah menyediakan jadual perkhidmatan yang inklusif dan kemudahan pelbagai koleksi perpustakaan serta kemudahan ICT bagi memenuhi keperluan masyarakat.

PPAPP mempunyai 11 buah Perpustakaan Bergerak di Pulau Pinang. Daripada jumlah ini, tujuh (7) buah Perpustakaan Bergerak ditempatkan di Perpustakaan Pusat, Seberang Jaya, tiga (3) buah Perpustakaan Bergerak ditempatkan di Cawangan George Town dan sebuah di Perpustakaan Cawangan Balik Pulau.

Sejajar dengan itu, dua (2) daripada Perpustakaan Bergerak ini memberi perkhidmatan kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) dan menawarkan koleksi bahan bacaan *braille* dan buku *tactile* bagi memenuhi keperluan maklumat golongan berkenaan. Sebuah bas e-Pustaka turut disediakan untuk perkhidmatan bahan bacaan, multimedia, *e-sport* dan internet.

Sebuah daripada Perpustakaan Bergerak juga telah ditransformasi kepada Perpustakaan Bergerak Hobi atau dikenali sebagai MOBBY. PPAPP berusaha untuk memperkukuhkan perkhidmatan dengan melakukan transformasi perpustakaan konvensional kepada MOBBY yang bukan sahaja sekadar hobi tetapi turut berupaya membantu masyarakat untuk berkongsi hobi dan minat masing-masing menggunakan platform yang disediakan. Berbanding dengan aktiviti kelaziman sebuah perpustakaan iaitu membaca buku, MOBBY menawarkan pelbagai aktiviti interaktif dan sesi demonstrasi kepada komuniti, antaranya masakan, kraf tangan, jahitan, pertukangan, penternakan ikan laga dan lain-lain hobi yang sentiasa mendapat sambutan daripada masyarakat.

Kesemua Perpustakaan Bergerak ini memberi perkhidmatan di 220 buah lokasi di seluruh Negeri Pulau Pinang. Selain bahan bacaan, Perpustakaan Bergerak juga menyediakan permainan dalaman seperti congkak, dam dan *puzzle*.

Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak PPAPP telah memainkan peranan penting dalam mempromosi dan memantapkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat amnya dan khususnya kepada penduduk Negeri Pulau Pinang bagi menyokong Visi Penang2030 iaitu Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

PPAPP berhasrat menambah baik perkhidmatan Perpustakaan Bergerak sebagai langkah proaktif untuk memperluas akses ilmu dan memperkukuh budaya membaca dalam kalangan masyarakat melalui modenisasi kenderaan bagi menggantikan kenderaan lama kepada baharu yang kondusif selari dengan teras Visi Penang2030 iaitu “Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat Melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat Dan Keterangkuman Sosial Serta Menjadikan Negeri Pintar Dan Hijau”.

- (b) Secara purata, sebuah Perpustakaan Bergerak mencatat sekitar 500 hingga 2,000 pengguna sebulan dengan sokongan kepelbagaian program yang dilaksanakan serta koleksi terkini, program literasi digital dan permainan.
- (c) Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak PPAPP sering digunakan oleh golongan-golongan berikut:
 - (i) Golongan kanak-kanak;
 - (ii) Pelajar sekolah rendah, pra sekolah dan menengah;
 - (iii) Suri rumah;
 - (iv) Warga emas;
 - (v) Golongan dewasa termasuk guru dan penjawat awam, di lokasi tertentu; dan
 - (vi) Golongan Kelainan Upaya (OKU)

Selain itu, perpustakaan ini juga merupakan sebuah pusat pinjaman buku dan turut berperanan sebagai pusat pembelajaran luar bilik darjah, penyebaran ilmu pengetahuan secara terbuka, tempat menempatkan permainan interaktif, bahan bacaan seperti buku, majalah, multimedia dan *e-sport*.

Seiring dengan perkembangan semasa, kebanyakannya sudah beralih kepada bahan bacaan digital namun perkhidmatan Perpustakaan Bergerak masih relevan hingga kini kerana masih terdapat individu yang lebih selesa dengan bacaan secara fizikal.

Kesimpulannya, Perpustakaan Bergerak sentiasa mendapat sambutan masyarakat memandangkan perkhidmatan ini menjamin akses sumber maklumat kepada semua golongan masyarakat, menggalakkan pendidikan sepanjang hayat, membina komuniti berilmu dan berbudaya membaca serta memanfaatkan teknologi dan inovasi selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Ke-4 (SDG 4) Pendidikan Berkualiti.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VIII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

28. Kawasan rehat, pemandangan indah adalah kawasan yang boleh menarik pelancong-pelancong untuk berkunjung ke Balik Pulau.
- (a) Mengapakah kawasan ini tidak dibekalkan dengan kemudahan air supaya peniaga boleh terus berniaga?
 - (b) Apakah permasalahan lain yang telah dikenal pasti?
 - (c) Pihak MBPP perlu memberi perhatian untuk meningkatkan suasana supaya lebih menonjol.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. (a) Kawasan rehat, pemandangan indah (Anjung Indah) di Balik Pulau adalah di bawah tanggungjawab pengurusan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (PDT DBD). Kawasan Anjung Indah masih belum mempunyai rangkaian paip bekalan air untuk kegunaan awam. Pihak PDTBD telah mengemukakan permohonan melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) agar kawasan ini dimasukkan di bawah program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Walau bagaimanapun, sehingga kini permohonan tersebut **masih belum diluluskan** memandangkan jumlah rumah di kawasan tersebut adalah sangat sedikit (hanya tiga buah rumah) dan kos yang tinggi bagi penyediaan sistem rangkaian paip ke kawasan tersebut yang terletak di puncak bukit.
- (b) Buat masa ini, tiada permasalahan lain yang dikenal pasti.

- (c) Perkara ini berada di luar bidang kuasa pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kerana kawasan ini adalah di bawah bidang kuasa PDT DBD.